

A Lukiskan simbol 😊 pada sikap bersederhana terhadap jiran dan simbol ☹ pada sikap yang tidak sepatutnya. **1**

1	Sumi bercakap dengan suara yang kuat dan mengganggu jiran-jirannya.	
2	Jihan menolak ajakan jirannya dengan baik untuk ke pekan kerana tiada orang di rumahnya.	
3	Puan Nina menanam pokok bunga dengan banyak sehingga mengganggu pemandangan jirannya.	
4	Suzana berasa cemburu dengan jirannya yang telah membuat rumah yang lebih besar daripada rumahnya.	
5	Dian membeli sebuah buku cerita dengan harga yang berpatutan untuk diberikan kepada anak jirannya.	
6	Rahmad dan Sarjit tidak membuat bising ketika bermain di rumah Alan kerana adik kecil Alan sedang tidur.	
7	Sewaktu menghadiri majlis hari jadi Susanti, Maria membawa balik semua makanan yang disediakan.	
8	Ibu sentiasa menolong Mak Cik Janet membeli barang di kedai kerana Mak Cik Janet sudah tidak larat untuk berjalan ke kedai.	
9	Zaidi membaiki kereta jirannya dengan mengenakan bayaran yang tinggi.	
10	Ibu menolong Mak Cik Suraya menjaga anaknya sewaktu dia hendak melahirkan anak keduanya di hospital.	


B Tandakan (✓) pada sikap yang berkaitan dengan kesederhanaan. 2

- 1 Fimi menjamah serba sedikit juadah semasa jamuan hari lahir jirannya. ☐
- 2 Syamil berbelanja berlebih-lebihan untuk pembelian hadiah sempena hari sukaneka kawasan kejirannya. ☐
- 3 Ibu hanya membeli barang keperluan yang penting sahaja semasa pergi ke pasar raya. ☐
- 4 Darren meminta rakannya membeli barang permainan yang agak mahal sempena hari lahirnya kelak. ☐
- 5 Fei Yong menggunakan air dengan berhemah semasa menyiram pokok bunga. ☐
- 6 Puan Mona suka menunjuk-nunjuk barang berjenama yang dibeli kepada jiran-jirannya. ☐

C Warnakan petak jawapan yang betul. 3

- 1 Kita perlu sentiasa bersederhana dalam menjalani kehidupan kita demi memelihara hubungan baik sesama jiran. ☐ YA ☐ TIDAK
- 2 Mikail menonton televisyen di rumah Salim hingga larut malam sehingga mengganggu masa rehat ibu bapa Salim. ☐ YA ☐ TIDAK
- 3 Nandini telah menggunakan buku lukisan jirannya tanpa menggantikannya semula sehinggakan jirannya terpaksa membeli buku lukisan baharu. ☐ YA ☐ TIDAK
- 4 Gayathri memberikan sedikit wang simpanan kepada jirannya yang baru sahaja ditimpa musibah agar beban mereka dapat diringankan. ☐ YA ☐ TIDAK
- 5 Encik Don segera menamatkan panggilan telefon kerana jirannya juga sedang beratur untuk menggunakan telefon awam. ☐ YA ☐ TIDAK

D Tulis perasaan kamu pada gambar di bawah. **4**



Makanlah dengan kadar sederhana apabila diundang ke rumah jiran.

Perasaan kamu: _____



Makanlah dengan kadar sederhana apabila diundang ke rumah jiran.

Perasaan kamu: _____



Tidak bermain piano sehingga larut malam supaya jiran dapat berehat dengan tenang.

Perasaan kamu: _____



Memberi anak-anak jiran buku yang sudah tidak dibaca sebagai bahan bacaan.

Perasaan kamu: _____